

U GB 15-04 00186 BH767

bah

Mahathir - Bonus

KERAJAAN TAK DAPAT PENUHI PERMINTAAN UNTUK BONUS

MELAKA, 15 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pendapatan negara yang tidak meningkat dan perbelanjaan yang bertambah bagi pembinaan infrastruktur tahun lepas ialah antara sebab kerajaan tidak dapat memenuhi permohonan Cüepacs untuk mendapatkan bonus bagi 800,000 kakitangan perkhidmatan awam tahun lepas dan 1991.

Perdana Menteri berkata Cüepacs perlu bersabar dalam hal ini kerana bukan niat kerajaan sengaja menolak permohonannya tetapi semata-mata kerana kerajaan tidak mampu berbuat demikian.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan konvensyen Melaka dalam Warisan Dunia dekat sini, beliau berkata, kerajaan tidak dapat memberi bonus kepada kakitangannya sebab pada tahun 1992 gaji mereka baru dinaikkan dan ada pegawai kerajaan mendapat tambahan gaji berbanding 1991.

Menurutnya, pada tahun lepas kerajaan terpaksa mengeluarkan belanja yang besar untuk pembinaan infrastruktur seperti jalan raya, lapangan terbang dan pelabuhan, yang dianggap sebagai keperluan bagi meningkatkan ekonomi negara.

Katanya, pembinaan infrastruktur merupakan satu pelaburan yang penting. Ia juga merupakan satu rancangan jangka panjang bagi membantu meningkatkan ekonomi negara di masa depan. -- Lagi

♥15/04/20-38MST

CNS4058 .

U GB 15-04 00098 BH769

bah

Mahathir - Bonus 2 (akhir) Melaka

Ketika berucap di majlis itu, beliau berkata sejarah harus dijadikan pengajaran dan iktibar untuk membantu negara mencapai kemajuan dan kecemerlangan seperti yang dicapai sebelum kedatangan penjajah.

"Sebagai satu bangsa yang sudah terpelajar dan bertamadun, kita mampu merancang dan melakukan apa yang dikehendaki bersesuaian dengan keadaan sekarang.

"Kita harus akui kesilapan yang kita lakukan dan memperbetulkan kesalahan itu. Hanya orang yang angkuh dan sombong sahaja yang tidak mahu mengakui kesalahan mereka dan enggan memperbetulkannya," kata beliau. -- Bernama

AH ARA MIB

♥15/04/20-46MST